

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]**

**TARIKH : 9 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]** minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah jualan kenderaan baharu mengikut bulan bagi tahun 2020 dan berbanding jumlah yang dicatatkan pada tiap-tiap bulan bagi tahun lalu.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan rekod *Malaysian Automotive Association* (MAA), jumlah keseluruhan jualan kenderaan penumpang dan kenderaan perdagangan bagi tempoh Januari sehingga Oktober 2020 adalah sebanyak **398,159** unit. Bagi tempoh yang sama pada tahun 2019, jumlahnya adalah sebanyak **496,855** unit. Perbandingan jumlah jualan mengikut bulan bagi tempoh Januari sehingga Oktober tahun 2020 dan 2019 adalah seperti berikut:

Bulan	Tahun 2019 (unit)	Tahun 2020 (unit)	Perbezaan Jumlah (unit)
Januari	48,450	42,867	turun 5,583 (-11.5%)
Februari	39,810	41,143	naik 1,333 (+3.3%)
Mac	54,776	22,518	turun 32,258 (-58.9%)
April	49,935	143	turun 49,792 (-99.7%)
Mei	60,760	23,318	turun 37,442 (-61.6%)
Jun	42,586	44,704	naik 2,118 (+4.9%)
Julai	50,854	57,552	naik 6,698 (+13.7%)
Ogos	51,148	52,800	naik 1,652 (+3.2%)
September	44,666	56,444	naik 11,778 (+26.4%)
Oktober	53,870	56,670	naik 2,800 (+5.2%)
<b>JUMLAH</b>	<b>496,855</b>	<b>398,159</b>	turun 98,696 (-19.9%)

Sumber: *Malaysian Automotive Association (MAA)*

2. Bagi motosikal pula, jumlah jualan keseluruhan yang direkodkan oleh *Motorcycle & Scooter Assemblers and Distributors Association of Malaysia (MASAAM)* bagi tempoh Januari sehingga Oktober 2020 adalah sebanyak **390,828** unit berbanding **450,691** unit bagi tempoh yang sama pada tahun 2019. Perbandingan jumlah jualan mengikut bulan bagi tempoh Januari sehingga Oktober tahun 2020 dan 2019 adalah seperti berikut:

Bulan	Tahun 2019 (unit)	Tahun 2020 (unit)	Perbezaan Jumlah (unit)
Januari	48,605	47,207	turun 1,398 (-2.9%)
Februari	36,954	51,843	naik 14,889 (+40.3%)
Mac	47,157	26,697	turun 20,460 (-43.4%)
April	43,743	0	turun 43,743 (-100%)
Mei	47,136	19,507	turun 27,629 (-58.6%)
Jun	33,885	42,190	naik 8,305 (+24.5%)
Julai	50,627	47,640	turun 2,987 (-5.9%)
Ogos	48,530	46,987	turun 1,543 (-3.2%)
September	43,327	50,670	naik 7,343 (+16.9%)
Oktober	50,727	58,087	naik 7,360 (+14.6%)
JUMLAH	450,691	390,828	turun 59,863 (-13.3%)

Sumber: *Motorcycle & Scooter Assemblers and Distributors Association of Malaysia (MASAAM)*

3. Penurunan jumlah jualan kenderaan yang mendadak pada bulan Mac, April dan Mei 2020 berbanding bulan yang sama pada tahun 2019 adalah disebabkan berlakunya pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kesan daripada penularan wabak COVID-19 di seluruh dunia dan ini telah memberi kesan kepada industri automotif tempatan.

4. Namun, kenaikan penjualan kenderaan dapat dilihat bermula Jun 2020 berikutan langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang memberi pengecualian 100% Cukai Jualan dan Perkhidmatan kepada kenderaan pemasangan tempatan (*Completely Knocked Down* - CKD) dan 50% pengecualian Cukai Jualan dan Perkhidmatan bagi kenderaan import (*Completely Built-Up* - CBU).

Sekian, terima kasih.